



SYARAT-SYARAT KEJOHANAN TENPIN BOWLING PIALA MAYOR 2025

ANJURAN	:	DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU (KELAB BOWLING DBKK)
TARIKH	:	21 HINGGA 23 FEBRUARI 2025 (JUMAAT, SABTU DAN AHAD)
TEMPAT	:	KK GALAXY BOWLING CENTRE, TINGKAT 8, BANGUNAN CENTRE POINT SABAH, KOTA KINABALU

1. TARIKH DAN LOKASI KEJOHANAN

- 4.1 Tarikh yang ditetapkan adalah pada 21 hingga 23 Februari 2025 (Jumaat, Sabtu dan Ahad)
- 4.2 KK Galaxy Bowl, Tingkat 8, Bangunan Centre Point Sabah

2. KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Kejohanan ini terbuka kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Kerajaan sekitar Negeri Sabah dan juga undangan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dari Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.
- 5.2 Secara undangan kepada Agensi Swasta, Persatuan dan juga NGO sekitar Bandaraya Kota Kinabalu sahaja.
- 5.3 Terbuka kepada semua kakitangan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan DBKK Holdings Sdn. Bhd.
- 5.4 Pemain mewakili Kementerian / Jabatan yang diundang hendaklah terdiri dari kalangan Kementerian atau Jabatan yang sama / berkenaan. Gabungan pemain dengan lain-lain Kementerian/Jabatan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- 5.5 Penyertaan daripada pertubuhan mana-mana badan sukan Negeri Sabah layak untuk menyertai kejohanan ini dengan pengesahan bahawa telah menjadi ahli persatuan sukan tidak kurang daripada 6 bulan dan keahlian aktif setakat 2025.
- 5.6 Setiap pasukan dihadkan untuk menyenaraikan seorang pemain Negeri atau bekas pemain Negeri dalam satu pasukan. Pemain Negeri (kali terakhir tahun 2024) yang dimaksudkan adalah :-
 - a) *Interstate*
 - b) Sukma



SYARAT-SYARAT KEJOHANAN TENPIN BOWLING PIALA MAYOR 2025

5.7 Pemain hendaklah berumur 21 tahun dan ke atas.

Setiap Jabatan/Kementerian hendaklah menyertakan salinan surat pengesahan sebagai pekerja Jabatan berkenaan dan/atau salinan kad pekerja, salinan slip gaji bulan November dan Disember 2024 serta Januari 2025, pemain hendaklah telah bertugas selama 6 bulan ke atas di Jabatan berkenaan. Pertukaran pemain boleh dibuat semasa mesyuarat pengurus pasukan

3. FORMAT KEJOHANAN

6.1 Setiap pasukan hendaklah terdiri daripada :-

- 4 orang pemain
- Setiap pasukan hanya boleh mendaftar 1 pemain yang pernah menjadi wakil Sukma Negeri. (*Rujuk syarat 5.6*)
- Bekas pemain Malaysia (kali terakhir tahun 2024) **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai kejohanan ini.
- Setiap Pasukan **WAJIB** mendaftar seorang pemain Wanita. **Pemain Wanita Senior berumur 50 tahun dan ke atas** akan diberikan 10 handicap.
- Bagi pemain **Senior Lelaki 50 tahun dan ke atas sebanyak 5 handicap** akan diberikan.

6.2 Setiap pasukan akan bermain 3 blok dengan jumlah permainan sebanyak 5 game setiap blok bagi setiap pemain, seperti yang berikut:-

Blok 1	Double Short oil Final
Blok 2	Double Long Oil Final
Blok 3	Berempat Long Oil Final

6.3 Blok A acara Double (*Short Oil*) bermain 5 game sesi 1 jam 9.00 pagi dan Sesi 2 2.00 petang sementara Double (*Long Oil*) sesi 3 jam 7.00 malam dan sesi 4 jam 9.00 pagi. Pemain acara double (*Short Oil*) tidak boleh bermain dalam double (*Long Oil*) dan sebaliknya.

6.4 Blok B acara Foursome bermain 5 game dalam 2 sesi. (*Tertakluk kepada jumlah penyertaan*)

6.4 Johan Pasukan akan ditentukan berdasarkan kepada jumlah jatuhan pin bagi kedua-dua blok yang telah dijalankan.



SYARAT-SYARAT KEJOHANAN TENPIN BOWLING PIALA MAYOR 2025

- 6.5 Yuran penyertaan : RM 850.00 (setiap pasukan). Bayaran menggunakan cek hendaklah dibuat dua (2) minggu sebelum tarikh kejohanan. Bayaran tunai hendaklah dibuat 1 minggu sebelum tarikh kejohanan.
- 6.6 Anggaran penyertaan adalah 36 pasukan yang telah disahkan pendaftaran penyertaan dengan bayaran.
- 6.7 Tarikh tutup penyertaan adalah pada 18 Februari 2025, Selasa jam 3.00 petang dengan bayaran.
- 6.6 Acara Master
 - 6.6.1 Seramai 24 orang pemain Lelaki dan 20 orang Pemain Wanita dengan jumlah jatuhan pin tertinggi layak untuk menyertai acara ini.
 - 6.62 Bermain 7 game dengan yuran sebanyak RM200.00 seorang

4. SYARAT-SYARAT KHAS KEJOHANAN

- 4.1. Undang-undang kejohanan ini adalah berdasarkan syarat-syarat kejohanan yang digunakan.
- 7.2 Sekiranya timbul perselisihan dari segi pentafsiran, undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan dirujuk.
- 7.3 Segala keputusan yang dibuat oleh pihak Jawatankuasa Kejohanan ini adalah muktamad.
- 7.4 Setiap pasukan dikehendaki melapor diri dan mendaftar setengah jam sebelum permainan bermula (bagi semua acara).
- 7.5 Tiada sebarang pertukaran dan susunan pemain dibenarkan pada hari pertandingan.
- 7.6 Segala keputusan Jawatankuasa Pertandingan adalah muktamad.
- 7.7 Sekiranya terdapat pasukan/pemain yang lewat datang selepas 3 frame pada game pertama, pasukan/pemain berkenaan akan diberi *blindscore* bagi game tersebut dan hanya akan dibenarkan memulakan permainan dari game kedua hingga seterusnya.
- 7.8 Sekiranya terdapat pasukan/pemain yang lewat datang selepas tamat game kedua, pasukan tersebut tidak dibenarkan meneruskan permainan pada game ketiga dan seterusnya. Pasukan/pemain yang terlibat akan dikira sebagai tidak layak menyertai acara yang dipertandingkan. Walau bagaimanapun, pasukan/pemain yang terlibat akan diberi markah *blindscore* untuk dibawa ke jumlah keseluruhan acara berpasukan.



SYARAT-SYARAT KEJOHANAN TENPIN BOWLING PIALA MAYOR 2025

7.9 Pakaian dan Tatatertib:

- 7.9.1 Semua peserta diwajibkan memakai pakaian yang sesuai dan lazimnya dipakai dalam sukan Tenpin Bowling. **Pemakaian seluar jeans tidak dibenarkan sama sekali bagi pemain lelaki atau wanita.**
- 7.9.2 Peserta lelaki sama sekali tidak dibenarkan memakai seluar pendek, topi dan T-shirt tanpa kolar;
- 7.9.3 Merokok dan meminum minuman keras semasa kejohanan adalah dilarang;
- 7.9.4 Sekiranya terdapat peserta yang melanggar peraturan di atas, pihak penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan mereka dalam kejohanan ini. Yuran penyertaan tidak dikembalikan.

7.10 Markah

- 7.10.1 Markah yang terpapar di skrin markah setiap lorong adalah dikira sebagai markah rasmi;
- 7.10.2 Sekiranya berlaku kesilapan markah disebabkan masalah teknikal, Pengurus dikehendaki memaklumkan kepada "Lane Marshall" yang dilantik dengan segera. Pembetulan markah hanya boleh dilakukan oleh "Lane Marshall" yang dilantik oleh penganjur;
- 7.10.3 Bantahan terhadap sebarang markah hanya akan dilayan sekiranya dibuat sebelum balingan seterusnya dibuat.

7.11 Penipuan

- 7.11.1 Sekiranya didapati peserta cuba menipu dengan mengubah markah di skrin markah ataupun mempunyai pemain yang kelayakannya tidak dibenarkan, secara automatik penyertaan pasukan tersebut akan terbatal dan tidak akan dibenarkan untuk meneruskan permainan.



SYARAT-SYARAT KEJOHANAN TENPIN BOWLING PIALA MAYOR 2025

8. JADUAL DAN TEMPAT KEJOHANAN

TARIKH/HARI	ACARA	MASA	TEMPAT
21 Februari 2025 (Jumaat)	Pendaftaran Pasukan	9.00 pagi	KK Galaxy Bowl, Tingkat 8, Bangunan Centre Point Sabah
	Blok A – Sesi 1 Doubles (Short oil) 20 lane	10.00 pagi	
	Blok A – Sesi 2 Doubles (Short oil) 16 lane	2:00 petang	
	Blok A – Sesi 3 Doubles (Long oil) 20 lane	7.00 malam	
22 Februari 2025 (Sabtu)	Blok A – Sesi 4 Doubles (Long oil) 16 lane	10.00 pagi	
	Blok B – Sesi 1 Foursome (Long Oil) 20 lane	2.00 petang	
	Blok B – Sesi 2 Foursome (Long Oil) 16 lane	7.00 malam	
23 Februari 2025 (Ahad)	Acara Master Lelaki dan Wanita	9.00 pagi	
	Majlis Perasmian dan Penutupan Kejohanan TenPin Bowling Piala Mayor 2025. Dirasmikan oleh YBhg. Datuk Mayor Bandaraya Kota Kinabalu	5.00 petang	



SYARAT-SYARAT KEJOHANAN TENPIN BOWLING PIALA MAYOR 2025

9. Hadiah Kejohanan – Acara Berpasukan

KEDUDUKAN	HADIAH
Johan	RM4,000 + Piala Pusingan + Piala Iringan + Medal (4 buah)
Naib Johan	RM2,000 + Piala Iringan + Medal (4 buah)
Ketiga	RM1,500 + Piala Iringan + Medal (4 buah)
Ke-4	RM1,000.00
Ke-5 hg 6	RM 800 (x2)
Ke-7 hg 10	RM 650 (x4)

10. Hadiah Kejohanan – Acara Master

KEDUDUKAN	KATEGORI LELAKI	KATEGORI WANITA
Johan	RM 1,000.00	RM 1,000.00
Naib Johan	RM 800.00	RM 800.00
Ketiga	RM 650.00	RM 650.00
Ke-4	RM 350.00	RM 350.00
Ke-5	RM 350.00	RM 350.00
Ke-6	RM 150.00	RM 150.00
Ke-7	RM 150.00	RM 150.00
Ke-8	RM 150.00	RM 150.00
Ke-9	RM 150.00	RM 150.00
Ke-10	RM 150.00	RM 150.00

PEGAWAI DIHUBUNGI UNTUK PERTANYAAN / PENYERTAAN

- 1) Puan Dorina Amit - Tel: H.P.: 013-5406948
- 2) Puan Carey Paulin – Tel: HP.: 0 10-935 6488
- 3) Encik Mohd. Kamsul Shah Kassim – Tel: HP - 0 12-548 5877

Disediakan oleh:-

AJK Kejohanan TenPin Bowling Terbuka Piala Mayor 2025.

“Terima Kasih”